



PEJABAT KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

IBU PEJABAT LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
MENARA HASIL, ARAS 18
PERISARAN RIMBA PERMAI
CYBER 8, PETI SURAT 11833
63000 CYBERJAYA
MALAYSIA

Telefon : 03-8313 8888

Faksimili : 03-8313 7803

Laman Web LHDNM: www.hasil.gov.my

Ruj. Kami : LHDN.01/45/274/8-4

Tarikh : 14 Mei 2012

Kepada,

Seperti di Lampiran A

Tuan,

**BAYARAN BALIK KREDIT CUKAI SYARIKAT BERSTATUS BUBAR OLEH
PENDAFTAR DI BAWAH PERUNTUKAN SEKSYEN 308, AKTA SYARIKAT 1965**

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa semua aset syarikat yang belum selesai termasuk kredit cukai selepas syarikat dibubarkan di bawah peruntukan seksyen 308, Akta Syarikat 1965 hendaklah diletak hak ke atas kuasa Pendaftar di bawah peruntukan seksyen 310, akta yang sama. Pengarah dan / atau pemegang saham syarikat hilang kelayakan untuk mewakili syarikat kerana syarikat dianggap sudah tidak wujud dan yang demikian, hilang kelayakan membuat permohonan bayaran balik bagi menuntut aset syarikat.

3. Permohonan mendapatkan perintah di mahkamah oleh Pengarah dan / atau pemegang saham syarikat untuk *reinstate* (menghidupkan semula) syarikat hendaklah terlebih dahulu dilaksanakan sekiranya mereka masih ingin berbuat demikian kerana pihak Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) tidak mempunyai kuasa untuk *reinstate* syarikat yang telah dipotong nama daripada senarai SSM.

4. Untuk makluman, syarikat yang memohon untuk pembubaran syarikat atas permintaan hendaklah mengemukakan Akuan Pernyataan Pemohon kepada SSM yang menyatakan beberapa perkara antaranya '*Syarikat ini tidak mempunyai aset dan liabiliti termasuk apa-apa gadaian yang tertunggak di dalam Daftar Gadaian yang disimpan di Pejabat Pendaftar Syarikat*'. Syarikat seharusnya perlu memastikan semua aset diselesaikan sebelum permintaan dibuat.

.../2


5. Oleh yang demikian, semua permohonan bayaran balik bagi kes ini akan dikemukakan secara terus kepada dan atas nama **'SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA'**.

Sekian, terima kasih.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

" BERSAMA MEMBANGUN NEGARA "

Saya yang menurut perintah,



(DATO MOHAMMAD SAIT BIN AHMAD)

Timbalan Ketua Pengarah (Operasi Percukaian)

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

b.p Ketua Pegawai Eksekutif / Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri Malaysia

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

mrmd/bdop/bayaranbalikbubarDESIRE/mei2012

LAMPIRAN A

Pengarah Eksekutif
Institut Percukaian Malaysia (CTIM)
Unit B-13-2, Block B, 13th Floor, Megan Avenue II
No. 12, Jalan Yap Kwan Seng
50450 Kuala Lumpur.

Pengarah Eksekutif
Institut Akauntan Malaysia (MIA)
Dewan Akauntan No. 2
Jalan Tun Sambanthan 3, Brickfields
50470 Kuala Lumpur

Pengarah Eksekutif
Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA)
15, Jalan Medan Tuanku
50300 Kuala Lumpur

Presiden
Persatuan Akauntan Percukaian Malaysia (MATA)
Pejabat Sekretariat MATA
27-1, Blok 1D Jalan Wangsa Delima 12, Wangsa Link
Pusat Bandar Wangsa Maju
53300 Kuala Lumpur.

Presiden
Persatuan Institut Setiausaha dan Pentadbir Berkanun Syarikat (MAICSA)
No. 57, The Boulevard
Mid Valley City Lingkaran Syed Putra
59200 Kuala Lumpur

Presiden
Persatuan Setiausaha Syarikat Malaysia (MACS)
No. 23A, 1st Floor Jalan SS24/11, Taman Megah
47301 Petaling Jaya
Selangor

Presiden
Institute of Cooperative & Management Accountants (ICMA)
No. 14M, Jalan Zirkon E7, Seksyen 7
40000 Shah Alam
Selangor

Bekas Pegawai Hasil
Unit 19A-23-5, Business Suite, OUA Centre
19 Jalan Pinang
50450 Kuala Lumpur

CPA Australia
Suite 10.01, Level 10, The Gardens South Tower
Mid Valley City, Lingkaran Syed Putra
59200 Kuala Lumpur.